

Besi penghadang jalan kena kebas

Murid sekolah terdedah kepada bahaya dilanggar kenderaan

H.M 27/06/08 MYS 8

>>Oleh Mohd Fauzi Abdullah
fauzie@hmetro.com.my

PETALING JAYA: Tindakan pihak tertentu mencuri besi penghadang jalan yang dibina untuk keselamatan murid di sepanjang laluan pejalan kaki di hadapan Sekolah Rendah Kebangsaan Bukit Bintang, Seksyen 8 di sini, mendedahkan murid kepada risiko kemalangan.

Besi penghadang setinggi satu meter dibina bagi tujuan keselamatan, kini hanya tinggal tiangnya saja kerana dikebas penyangak untuk mendapatkan wang mudah.

Tinjauan Metroplus mendapati hampir keseluruhan besi itu hilang dan penduduk menyuarakan kebimbangan mereka terhadap perkara ini kerana boleh membahayakan murid terutamanya ketika waktu pergi dan pulang dari sekolah.

Penduduk, Mohd Nazri Osman, 26, berkata lalu lintas di hadapan sekolah itu memang sentiasa sibuk dan penghadang jalan itu didirikan sebagai pagar untuk menghalang murid melintas sesuka hati atas faktor keselamatan



KENA KEBAS...hanya tinggal tiang apabila besi penghadang dicuri, manakala gambar kecil, Nazri.

Katanya, dia bimbang keselamatan murid memandang mereka masih di sekolah rendah dan kadangkala tingkah laku mereka tidak dapat diduga.

"Saya selalu lihat budak-budak itu berlari dan melintas jalan sesuka hati ketika pulang dari sekolah dengan keadaan lalu lintas yang sibuk dikhuatiri mendatangkan kecelakaan kepada mereka," katanya yang tinggal berhadapan sekolah itu.

Menurutnya, dia percaya

kegiatan mencuri besi itu dilakukan pada waktu malam kerana lokasinya terletak berdekatan rumah penduduk dan lalu lintas di situ sentiasa sibuk pada sebelah siang.

"Saya minta pihak berkuasa segera memperbaiki penghadang jalan itu dengan lebih kemas kerana sebelum ini ia dipasang menggunakan skru.

"Saya cadangkan lepas ini pagar itu dipateri kerana mungkin lebih sukar bagi pencuri membukanya," katanya.

Pengawal keselamatan sekolah itu, Lan Kelau, 52, turut menyuarakan pendapat sama dan berharap pihak polis kerap membuat rondaan di kawasan itu bagi memberantas kegiatan tidak bermoral yang boleh mendatangkan bencana kepada orang lain.

Katanya, tindakan itu perlu memandangkan besi yang dicuri itu bukannya sedikit kerana hampir keseluruhannya dikebas pencuri tidak berhati perut berkenaan.